

PINDAAN PERUNTUKAN SEKSYEN MENGENAI NAFKAH DARIPADA ENAKMEN PENTADBIRAN HUKUM SYARAK (SELANGOR) 1952 KEPADA AKTA 303

*(Amendment of the Provisions of Section on Alimony from
Shariah Law Administration Enactment (Selangor) 1952 to Act
303)*

Mohd Hazwan Ismail
wanz_kce6229@yahoo.com.my

Kulliyyah Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa,
Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, 09300 Kuala Ketil, Kedah, Malaysia.

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Mohd Hazwan Ismail. (2023). Pindaan peruntukan seksyen mengenai nafkah daripada Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Selangor) 1952 kepada Akta 303. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 35(2), 309–332. [https://doi.org/10.37052/kanun.35\(2\)no6](https://doi.org/10.37052/kanun.35(2)no6)

Peroleh: <i>Received:</i>	11/10/2022	Semakan: <i>Revised</i>	11/11/2022	Terima: <i>Accepted</i>	7/12/2022	Terbit dalam talian: <i>Published online</i>	1/7/2023
------------------------------	------------	----------------------------	------------	----------------------------	-----------	---	----------

Abstrak

Makalah ini membincangkan pindaan berkaitan dengan peruntukan hal ehwal nafkah dengan penggubalannya sebelum merdeka, iaitu Enakmen Pentadbiran Hukum Syariah (Selangor) 1952 (Enakmen No. 3). Namun begitu, bagi penduduk di Kuala Lumpur, enakmen ini telah diberhentikan pemakaianya apabila wujudnya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tahun 1974 dengan tergubalnya Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303). Daripada penggubalan tersebut, makalah ini mengkaji perubahan yang berlaku dalam pindaan mengenai nafkah. Antara kajian yang dilakukan termasuklah penelitian sama ada berlakunya perubahan dari segi syarak atau hanya melibatkan aspek pentadbiran. Selain itu, turut menjadi persoalan tentang penguatkuasaan undang-undang sekiranya nafkah tersebut tidak dilaksanakan oleh orang yang diperintahkan, sama ada ditambah baik atau dikekalkan tanpa sebarang pindaan. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat kesesuaian dengan perubahan zaman

dengan berlakunya pindaan daripada Enakmen No. 3 kepada Akta 303 serta kajian melalui perubahan dari segi syarak. Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data, iaitu kajian secara kepustakaan. Perbincangan adalah tentang statut perundangan sahaja. Selain itu, turut digunakan dokumen yang berkaitan seperti jurnal, kitab fiqh dan kajian terdahulu. Hasil kajian mendapati, hanya terdapat lima pindaan sahaja daripada Enakmen No. 3 kepada Akta 303 dan satu kepada Akta 585. Pindaan sebanyak lima peruntukan tersebut melibatkan tempoh nafkah idah, tempoh nafkah anak, penanggung nafkah, nafkah anak tidak sah taraf dan perubahan serta pembatalan nafkah. Daripada kelima-lima peruntukan tersebut, hanya satu peruntukan melibatkan hukum syarak dan empat lagi hanya melibatkan pentadbiran. Yang terakhir melibatkan penguatkuasaan undang-undang, dipinda daripada Enakmen No. 3 kepada Akta 585, yang lebih terperinci dan sistematik.

Kata kunci: Enakmen Pentadbiran Hukum Syariah (Selangor) 1952, nafkah, pindaan, undang-undang keluarga Islam, perundangan, mahkamah syariah

Abstract

This article discusses the amendment regarding the provisions of alimony matters with its enactment before independence, which is the Shariah Law Administration Enactment (Selangor) 1952 (Enactment No. 3). However, for residents of Kuala Lumpur, this enactment was discontinued when the Federal Territory of Kuala Lumpur was established in 1974 with the enactment of the Islamic Family Law (Federal Territories) Act 1984 (Act 303). From the said formulation, this article examines the changes that occurred in the amendment on alimony. Among the studies conducted is whether there is a change in terms of Shariah or only in administration. In addition, there is also a question of enforcement if the alimony is not implemented by the person ordered, and whether it is improved or maintained without any amendment. The purpose of this study is to see the compatibility of the changing times with the amendment of Enactment No. 3 to Act 303 as well as through changes in terms of Shariah. This study uses data collection method, namely library research. The discussion concerns legal statutes only. In addition, related documents such as journal papers, fiqh books and previous studies were also used. The results of the study found that there are only five amendments from Enactment No. 3 to Act 303 and one to Act 585. The amendment of the five provisions involves the period of iddah alimony, the period of child alimony, alimony bearer, illegitimate child alimony and changes and cancellation of alimony. Out of the five provisions, only one provision

involves Shariah, while the other four involve administration only. The latter involves the enforcement of law, amended from Enactment No. 3 to Act 585, which is more detailed and systematic.

Keywords: The Syarak Law Administration Enactment (Selangor) 1952, alimony, amendment, Islamic family law, law, Shariah Court

PENDAHULUAN

Pada tahun 1952, penduduk di Kuala Lumpur menggunakan statut Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Selangor) 1952 dalam urusan menuntut nafkah. Kuala Lumpur menggunakan statut tersebut sehingga pada tahun 1984. Namun begitu, pada tahun 1974, Wilayah Persekutuan telah memasukkan Perintah Wilayah Persekutuan dengan memberhentikan pemakaian Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Selangor) 1952. Oleh itu, Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Selangor) 1952 tidak lagi digunakan kerana Kuala Lumpur telah menggubal akta yang baharu, iaitu Akta Undang-undang Keluarga Islam. Pemakaian statut diasingkan pada tahun 1984 apabila Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Selangor) 1952 terpakai di negeri Selangor, manakala Akta Undang-undang Keluarga Islam terpakai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

ENAKMEN PENTADBIRAN HUKUM SYARAK (SELANGOR) 1952 DAN PERUNTUKAN HAL EHWAL NAFKAH

Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Selangor) 1952 (Enakmen No. 3) ialah “ibu enakmen” bagi enakmen yang ada di Malaysia. Hal ini kerana, negeri Selangor ialah negeri yang pertama menggubal enakmen tersebut.¹ Dengan penubuhan enakmen ini, Jawatankuasa Undang-undang Agama di bawah Majlis Agama memainkan peranannya. Mereka terdiri daripada dua orang Ahli Majlis dan dua orang ahli yang lain daripada kalangan ulama yang berkelayakan.²

1 Mazni binti Abdul Wahab. (2002). *Sejarah penubuhan institusi fatwa di negeri Selangor*. *Jurnal Syariah*, 10(2), 1–18.

2 *Ibid.*

Yang berikut ialah jadual yang terdapat dalam kandungan Enakmen No. 3:

Jadual 1 Bahagian, peruntukan dan seksyen dalam Enakmen No. 3.

Bahagian	Peruntukan	Seksyen
Bahagian Pertama	Pendahuluan	1 hingga 4
Bahagian Kedua	Majlis Pertubuhan	5 hingga 42
Bahagian Ketiga	Mahkamah Syariah	43 hingga 93
Bahagian Keempat	Hal Ehwal Wang Amanah	94 hingga 110
Bahagian Kelima	Masjid-Masjid	111 hingga 118
Bahagian Keenam	Kahwin dan Cerai	119 hingga 137
Bahagian Ketujuh	Nafkah Tanggungan	138 hingga 144
Bahagian Kelapan	Masuk Islam	145 hingga 148
Bahagian Kesembilan	Kesalahan-Kesalahan	149 hingga 175
Bahagian Kesepuluh	Lain-Lain Perkara	176 hingga 178

Sumber: Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Selangor) 1952.

Dalam Jadual 1 di atas menunjukkan 10 bahagian bermula dari seksyen 1 sehingga seksyen 178. Dalam hal ehwal nafkah, statut ini diperuntukkan dalam Bahagian Ketujuh, iaitu Nafkah Tanggungan. Dalam Nafkah Tanggungan, terdapat 7 seksyen yang diperuntukkan seperti Jadual 2 yang berikut:

Jadual 2 Bahagian, peruntukan dan seksyen dalam Enakmen No. 3.

Seksyen	Peruntukan
138	Undang-Undang No. 36 Tahun 1950 Tiada Mengenai
139	Isteri-Isteri
140	Kanak-Kanak Kecil Yang Halal
141	Orang Yang Uzur Dan Berpenyakit
142	Anak Luar Nikah
143	Mengubah dan Pembatalan Perintah
144	Menetapkan Hukuman

Sumber: Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Selangor) 1952.

PEMBERHENTIAN ENAKMEN PENTADBIRAN HUKUM SYARAK (SELANGOR) 1952

Kuala Lumpur ditubuhkan pada tahun 1857 dan dijadikan Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 1974. Wilayah Persekutuan mula ditadbir oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada tahun 1972.³ Pada asalnya pentadbiran bagi hal ehwal agama Islam terletak pada negeri Selangor. Dengan tertubuhnya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, maka pentadbiran bagi hal ehwal agama Islam berada di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong dan Kerajaan Pusat Malaysia.⁴

Oleh yang demikian, Kuala Lumpur diberhentikan daripada pemakaian statut Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Selangor) 1952 apabila terdapat peruntukan dalam Seksyen 2 daripada Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 yang menjelaskan tentang Perintah-Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak) berkuat kuasa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menurut kuasa Seksyen 6 (1) daripada Akta Perlembagaan (Akta A206).⁵

Akta A206 memperuntukkan mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan negeri Selangor yang berada di Wilayah Persekutuan, maka Wilayah Persekutuan berkuat kuasa sehingga hal dimansuhkan atau dipinda daripada Parlimen. Wilayah Persekutuan diberikan hak dan dilaksanakan oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri yang bertanggungjawab untuk memerintahnya. Oleh itu, pemakaian statut bagi Enakmen Selangor telah diberhentikan dengan adanya peruntukan dalam Akta A206.

AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984 (AKTA 303) DAN PERUNTUKAN HAL EHWAL NAFKAH

Sebelum Akta 303 digubal, kerajaan persekutuan pada ketika itu cuba mewujudkan satu rang undang-undang bagi menyeragamkan undang-undang keluarga Islam bagi negeri-negeri di Malaysia. Pelbagai contoh yang diambil untuk penggubalannya, iaitu model daripada Akta

3 https://www.mkn.gov.my/web/ms/2022/02/03/k150-sejarah-penubuhan-dewan-bandaraya-kuala-lumpur/

4 Hasnan Kasan. (2006). Penginstitusian pentadbiran hukum syarak di Semenanjung Malaysia. *Sari*, 24, 179–189.

5 Akta 303.

Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, dan undang-undang dari negara Islam yang lain, iaitu Singapura, Pakistan, India dan Mesir. Draf dibina pada peringkat persekutuan dan dihantar kepada Majlis Raja-Raja. Kemudian, draf tersebut dihantar ke semua negeri untuk diteliti dan dikaji.⁶

Tiga negeri telah memberikan maklum balas awal, iaitu negeri Kedah, Kelantan dan Wilayah Persekutuan. Walau bagaimanapun, Kelantan merupakan negeri yang pertama mewartakan undang-undang berkenaan apabila telah diluluskan di Dewan Undangan Negeri dan dikuatkuasakan pada Januari 1984 diikuti Wilayah Persekutuan yang telah berkuat kuasa pada 29 April 1987.⁷

Jadual 3 Bahagian, peruntukan dan seksyen dalam Akta 303.

Bahagian	Peruntukan	Seksyen
Bahagian I	Permulaan	1 hingga 6
Bahagian II	Perkahwinan	7 hingga 24
Bahagian III	Pendaftaran Perkahwinan	25 hingga 34
Bahagian IV	Penalti dan Pelbagai Peruntukan Berhubung dengan Akad Nikah dan Pendaftaran Perkahwinan	35 hingga 44
Bahagian V	Pembubaran Perkahwinan	45 hingga 58
Bahagian VI	Nafkah Isteri, Anak dan Lain-lain	59 hingga 80
Bahagian VII	Penjagaan	81 hingga 107
Bahagian VIII	Pelbagai	108 hingga 122
Bahagian IX	Penalti	123 hingga 133
Bahagian X	Am	134 hingga 135

Sumber: Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.

Jadual 3 menunjukkan terdapat 10 bahagian yang memperuntukkan sebanyak 135 seksyen. Daripada 10 bahagian tersebut, dalam hal ehwal

6 Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned. (2007). *Sistem undang-undang di Malaysia*. Dewan Bahasa Dan Pustaka. Hlm 68

7 *Ibid.*

nafkah terletak di bahagian yang ketujuh, iaitu Nafkah Isteri, Anak dan Lain-lain. Bahagian nafkah tersebut dimulakan dengan Seksyen 59 sehingga Seksyen 80 yang memperuntukkan sebanyak 22 seksyen kesemuanya. Yang berikut ialah jadual peruntukan daripada setiap seksyen daripada Akta 303 tentang nafkah isteri, anak dan lain-lain:

Jadual 4 Peruntukan seksyen nafkah isteri, anak dan lain-lain.

Seksyen	Peruntukan
59	Kuasa Mahkamah Memerintahkan Nafkah bagi Isteri, dan Efek Nusyuz
60	Kuasa Mahkamah Memerintahkan Nafkah bagi Seseorang Tertentu
61	Pentaksiran Nafkah
62	Kuasa Mahkamah untuk Memerintahkan Cagaran Diberi bagi Nafkah
63	Mengkompaun Nafkah
64	Lamanya Tempoh Perintah Nafkah
65	Hak Terhadap Nafkah atau Pemberian Selepas Perceraian
66	Kuasa Mahkamah untuk Mengubah Perintah Nafkah
67	Kuasa Mahkamah untuk Mengubah Perjanjian Nafkah
68	Nafkah yang Kena Dibayar di Bawah Perintah Mahkamah Tidak Boleh Dipindahkan Hak Miliknya
69	Menuntut Tunggakan Nafkah
70	Nafkah Sementara
71	Hak Tempat Tinggal
72	Kewajipan Menanggung Nafkah Anak
73	Kuasa Mahkamah Memerintahkan Nafkah bagi Kanak-Kanak
74	Kuasa bagi Mahkamah Memerintahkan Cagaran bagi Nafkah Seseorang Anak
75	Kuasa bagi Mahkamah Mengubah Perintah Mengenai Penjagaan atau Nafkah Seseorang Anak
76	Kuasa Bagi Mahkamah Mengubah Perjanjian Penjagaan atau Nafkah Seseorang Anak
77	Menuntut Tunggakan Nafkah Seseorang Anak

Seksyen	Peruntukan
78	Kewajipan Menanggung Nafkah Kanak-kanak yang Diterima sebagai Ahli Keluarga
79	Lamanya Tempoh Perintah bagi Nafkah Anak
80	Kewajipan Menanggung Nafkah Anak-anak Tidak Sah Taraf

Sumber: Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.

Jadual 4 di atas menunjukkan peruntukan seksyen yang terdapat dalam Akta 303 bermula dari Seksyen 59 sehingga Seksyen 80. Daripada 22 seksyen yang diperuntukkan, terdapat 16 Seksyen yang melibatkan perkara baharu yang telah digubalkan. Antara perkara baharu yang dimasukkan ialah Seksyen 59 sehingga Seksyen 64, kemudian Seksyen 67 sehingga Seksyen 71, Seksyen 73, Seksyen 74 dan Seksyen 76 sehingga Seksyen 78. Yang berikut merupakan perincian tentang perkara baharu bagi nafkah, iaitu nafkah isteri dan nafkah anak.

Nafkah Isteri

Penggubalan seksyen yang pertama ialah Seksyen 59 yang memperuntukkan kuasa mahkamah untuk memerintahkan nafkah bagi isteri dan efek nusyuz. Seksyen ini menjelaskan tentang kewajipan nafkah isteri yang perlu diberi oleh suaminya. Sekiranya suaminya enggan memberikan nafkah, maka isteri boleh memohon kepada mahkamah dan mahkamah berkuasa untuk mengeluarkan perintah nafkah isteri dan juga bekas isterinya apabila kedua-dua pihak bercerai. Walau bagaimanapun, subseksyen yang kedua menjelaskan pihak isteri boleh untuk tidak berhak mendapat nafkah sekiranya terdapat nusyuz atau derhaka kepada suaminya. Antara tindakan nusyuz yang terdapat dalam peruntukan termasuklah menjauhkan diri daripada suaminya, meninggalkan rumah tanpa kerelaan suaminya dan isteri enggan mengikut suaminya untuk berpindah ke tempat lain.

Tindakan nusyuz tersebut perlu dibuktikan oleh suami sekiranya berlaku terhadap isterinya. Perkara ini perlu dibuktikan dengan kukuh agar mahkamah dapat menilai sekiranya hal tersebut berlaku. Suami tidak boleh memberi alasan untuk mengatakan bahawa dia tidak memberikan nafkah kepada isterinya kerana isteri bertindak nusyuz. Suami perlu memberikan bukti yang kuat agar dapat meyakinkan pihak mahkamah. Sekiranya bukti tersebut tidak kuat, maka mahkamah akan menolak seperti dalam kes *Aisny*

binti Mohd Daris lwn. Haji Fahro Rozi bin Mohdi (1412H).⁸ Mahkamah dalam kes tersebut memerintahkan defendant memberi isterinya nafkah. Subseksyen ketiga pula menjelaskan sekiranya isteri bertaubat dengan tindakan nusyuz terhadap suaminya, maka isteri tersebut tidak lagi dikira sebagai nusyuz.

Seterusnya dalam Seksyen 60 memperuntukkan kuasa mahkamah memerintahkan pemberian nafkah bagi seseorang. Dalam hal ini, mahkamah berbidang kuasa untuk memerintahkan kepada sesiapa sahaja sama ada penjaga, ibu atau bapa angkat atau anak kepada ibu, bapa atau penjaga kepada yang memerlukannya. Seseorang yang tidak mampu untuk menyara dirinya, maka apabila cukup dengan pembuktian atau kerelaan dengan persetujuan, mahkamah boleh memerintahkan secara penuh atau sebahagian sahaja pemberian nafkah tersebut.

Seksyen 61 pula ialah pentaksiran terhadap nafkah. Dalam peruntukan tersebut menjelaskan bahawa apabila isteri ingin memohon nafkah di mahkamah, isteri tersebut perlu mengemukakan apa-apa bukti bahawa terdapat perbelanjaan yang perlu disediakan untuknya. Bukti tersebut untuk menunjukkan kadar yang berpatutan kerana mahkamah ingin melihat tahap perbelanjaan berdasarkan kemampuan atau keupayaan daripada pihak suami. Sekiranya mahkamah berpuas hati dengan tuntutan yang dipohon berdasarkan tahap kemampuan si suami, mahkamah boleh mengeluarkan perintah untuk pembayaran yang perlu dilakukan oleh suami kepada isteri.

Penggubalan seksyen selanjutnya adalah tentang kuasa mahkamah untuk memerintahkan cagaran diberi bagi nafkah yang telah diperuntukkan dalam Seksyen 62. Dalam peruntukan ini, mahkamah boleh memerintahkan mana-mana orang yang memegang amanah untuk memberikan nafkah kepada orang yang menuntut itu yang mempunyai haknya. Seksyen seterusnya mengenakan kompaun nafkah, iaitu yang terdapat dalam Seksyen 63. Peruntukan ini bermaksud, mahkamah boleh memerintahkan sama ada dengan wang atau bentuk harta. Mahkamah akan menyiasat melalui perbicaraan sekiranya memadai dengan nilai nafkah. Walau bagaimanapun, perintah akan dikeluarkan sekiranya mahkamah berpuas hati dengan meluluskannya.

Seksyen 64 memperuntukkan tempoh perintah nafkah. Isteri boleh memohon nafkah daripada suaminya di hadapan hakim untuk membolehkan hakim mengeluarkan perintah nafkah. Perintah nafkah tersebut terus

8 (1412h) 2 JH 216

berkuat kuasa sehingga perintah nafkah dibatalkan atau kematian bagi isteri atau suaminya, mengikut yang mana lebih awal. Kemudian peruntukan dalam Seksyen 67, iaitu kuasa mahkamah untuk mengubah perjanjian nafkah. Dalam peruntukan ini, mana-mana perjanjian tentang nafkah yang dibuat oleh suami isteri, maka boleh diubah di hadapan hakim. Hakim akan menyiasat dan setelah berpuas hati, perintah akan dikeluarkan.

Seksyen 68 memperuntukkan nafkah yang perlu dibayar di bawah perintah mahkamah tidak boleh dipindah milik. Dalam perintah telah tercatat nama pihak-pihak, iaitu isteri dan suami. Nama yang telah dicatatkan dalam perintah tersebut adalah berkuasa pada nama yang tercatat sahaja dan tidak boleh dikuatkuasakan kepada orang lain. Perintah itu juga tidak boleh dipindah milik kepada sesiapa. Seterusnya Seksyen 69 adalah tentang tuntutan tunggakan nafkah. Tuntutan ini boleh dibuat oleh pihak isteri walaupun masih belum diperintahkan oleh mahkamah. Tuntutan bermula dari tempoh awal perkahwinan. Pihak isteri perlu mengemukakan bukti bahawa suaminya itu tidak memberikan nafkah. Mahkamah menyiasat secara perbicaraan dan boleh mengeluarkan perintah tunggakan nafkah dengan berkuat kuasa serta merta. Hal ini dapat dilihat dalam kes *Nurasikin lwn. Hafiz* (2017) apabila plaintif telah memohon nafkah tertunggak selama tempoh perkahwinan, iaitu selama 6 tahun yang berjumlah RM8200.00.⁹ Seksyen 69 menambah lagi, sekiranya defendant meninggal dunia, maka plaintif boleh menuntut daripada waris defendant bagi memenuhi tunggakan nafkah tersebut sehingga selesai.

Selanjutnya Seksyen 70 yang memperuntukkan nafkah sementara. Dalam seksyen ini, isteri boleh memohon perintah interim, iaitu perintah yang berkuat kuasa hanya untuk tempoh tertentu sahaja. Kadar yang diperlukan memadai dengan keperluan asas yang mencukupi setelah ditolak komitmen pendapatan suami. Perintah mutlak akan diperoleh setelah kedua-dua pihak selesai dalam perbicaraan.

Dalam Seksyen 71, peruntukan tersebut diperuntukkan khusus untuk tempat tinggal. Sekiranya pihak suami dan isteri bercerai, mahkamah boleh memerintahkan bekas isteri tersebut untuk tinggal di rumah bekas suaminya. Bekas isteri tersebut boleh tinggal di kediaman bekas suaminya sehinggalah bekas isteri itu habis tempoh idah, telah tamat tempoh

9 Mohd Hazwan bin Ismail & Jasni Sulong. (2021a). Saman penghutang penghakiman: Keperluan perintah nafkah atau perintah tunggakan nafkah. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 6(1), 29-38.

penjagaan anak, bekas isteri berkahwin dengan lelaki lain atau bekas isterinya itu telah melakukan perkara yang memberahi secara terang-terangan. Bekas suaminya itu perlu memohon kepada mahkamah untuk mendapatkan perintah supaya rumah tersebut boleh didudukinya semula.

Nafkah Anak

Untuk nafkah anak, peruntukan undang-undang bermula dengan Seksyen 73, iaitu kuasa mahkamah memerintahkan nafkah bagi kanak-kanak. Peruntukan ini adalah umum dan bukan kepada pihak si bapa sahaja kerana subseksyen 1 menyebut mahkamah boleh memerintahkan seorang lelaki membayar nafkah. Dalam subseksyen itu juga dipecahkan kepada empat, iaitu 1(a), 1(b), 1(c) dan 1(d). Dalam Subseksyen 1(a), 1(b) dan 1(c) adalah bagi seorang bapa dan Subseksyen 1(d) adalah bagi mana-mana lelaki. Subseksyen 1(a) memperuntukkan kepada seorang bapa sekiranya dia enggan memberikan nafkah, maka si ibu boleh memohon kepada mahkamah. Subseksyen 1(b) pula apabila suami tersebut telah meninggalkan isteri dan mengharapkan isterinya itu memberi sepenuhnya nafkah kepada anak-anak. Subseksyen 1(c) pula ialah tempoh menunggu perbicaraan bagi hal ehwal suami isteri. Subseksyen 1(d) ialah lelaki umum seperti bapa saudara, bapa angkat atau penjaga yang boleh diperintahkan oleh mahkamah untuk memberikan nafkah kepada anak tersebut. Subseksyen 1(d) juga boleh diguna pakai untuk bapa biologi, iaitu bagi kes anak tidak sah taraf. Bagi kes bapa biologi, peruntukan daripada Subseksyen 1(d) boleh juga dibaca bersama dengan Subseksyen 2 apabila subseksyen tersebut memperuntukkan mahkamah boleh memerintahkan berdasarkan hukum syarak setelah melihat kemampuan dan keupayaan lelaki tersebut untuk memberikan nafkah. Yang terakhir dalam Subseksyen 3 ialah memperuntukkan kepada umum, iaitu mana-mana lelaki yang memegang amanah untuk menjaga anak tersebut supaya diperintahkan untuk memberikan nafkah.

Seterusnya Seksyen 74 memperuntukkan kuasa bagi mahkamah memerintahkan cagaran bagi nafkah seseorang anak. Peruntukan ini menjelaskan mana-mana orang yang memegang amanah bagi hak anak, maka mahkamah boleh memerintahkan agar pemegang amanah tersebut mengeluarkan sebahagian atau sepenuh harta supaya diberi kepada anak itu.

Selain perintah, terdapat juga peruntukan tentang perjanjian yang dibuat antara bapa dengan ibu. Dalam Seksyen 76, mahkamah boleh mengubah perjanjian penjagaan atau nafkah seseorang anak. Dalam

peruntukan ini, mahkamah akan menilai kemunasabahan sekiranya perlu diubah perjanjian yang telah dibuat sebelum ini. Peruntukan selanjutnya adalah menuntut tunggakan nafkah seseorang anak di bawah Seksyen 77. Dalam peruntukan ini, tuntutan tunggakan boleh dibuat oleh si ibu kepada mahkamah sekiranya bapa tidak pernah memberikan nafkah kepada anaknya bermula dari tempoh anak dilahirkan. Peruntukan ini juga sama dengan peruntukan Seksyen 69, iaitu seksyen tersebut adalah untuk isteri. Walaupun perintah tunggakan nafkah telah dikeluarkan oleh mahkamah, namun masih tiada pembayaran dilakukan, maka si ibu boleh mengadu kepada mahkamah untuk menguatkuasakan perintah tersebut.

Peruntukan terakhir ialah kewajipan menanggung nafkah kanak-kanak yang diterima sebagai ahli keluarga. Dalam peruntukan ini, kanak-kanak yang dimaksudkan ialah anak angkat, anak bela atau lain-lain istilah yang bukan anak asal kepada suami isteri. Sekiranya pasangan tersebut mengambil anak angkat, mahkamah berkuasa untuk memerintahkan bapa angkat itu untuk memberikan nafkah. Perkara ini diperuntukkan dalam Seksyen 78(1). Peruntukan Seksyen 78(2) pula menjelaskan bahawa perintah nafkah tersebut adalah terbatal sekiranya bapa atau ibu sebenar kanak-kanak itu telah mengambilnya kembali untuk dibawa balik. Nafkah yang telah diperintahkan oleh ibu bapa angkat tersebut boleh dituntut kembali daripada ibu bapa sebenar kanak-kanak itu berdasarkan Seksyen 78(3).

16 seksyen yang dihuraikan di atas ialah perkara baharu, namun terdapat baki sebanyak 6 seksyen yang dikekalkan daripada Enakmen No. 3 kepada Akta 303. Walau bagaimanapun, baki 6 seksyen yang dikekalkan tersebut mempunyai pindaan. Oleh itu, timbul persoalan kajian, iaitu perbezaan daripada perubahan yang berlaku terhadap setiap pindaan dalam akta tersebut. Dalam makalah ini aspek yang dilihat ialah sama ada terdapat perubahan yang berlaku dari segi syarak atau perubahan dalam urusan pentadbiran sahaja. Turut diambil perhatian dalam penelitian, sama ada peruntukan tersebut wajar dimansuhkan atau dikekalkan dengan penyesuaian bagi kegunaan negara ini.

Selain itu, dari segi penguatkuasaan pula bagi yang ingkar untuk melaksanakan perintah nafkah sama ada diperuntukkan dalam akta yang sama atau diasingkan kepada akta yang lain. Hal ini kerana, dalam Enakmen No. 3 hanya menjelaskan tentang satu penguatkuasaan sahaja yang diperuntukkan dalam Seksyen 144, iaitu menetapkan hukuman. Dalam Akta 303 tidak ditetapkan sebarang hukuman. Oleh yang demikian, tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk melihat pindaan terhadap

pengubahsuaian peruntukan undang-undang mengikut kesesuaian situasi dengan peredaran zaman serta pentadbiran yang lebih sistematik di mahkamah syariah.

SOROTAN KAJIAN

Kajian oleh Raihanah Hj. Azahari¹⁰ yang menjelaskan tentang kedudukan fiqh Syafii dalam keputusan hakim di mahkamah syariah. Kajian tersebut menjelaskan tentang sejarah pengaruh mazhab Syafii sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka, iaitu dalam Hukum Kanun Melaka sebagai undang-undang yang bertulis. Kemudiannya tergubal undang-undang keluarga Islam juga digunakan dalam mazhab Syafii pada tahun 1952 yang pertama di negeri Selangor. Undang-undang terus digubal pada tahun 1984 dengan tertubuhnya Akta/Enakmen Undang-undang Keluarga Islam. Statut tersebut, bukan setakat terpakai kepada mazhab Syafii, malah digunakan kepada empat mazhab yang lain, iaitu mazhab Hanafi, Maliki, Syafii dan Hambali apabila Seksyen 2 memperuntukkan penggunaan hukum syarak yang diiktiraf. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya menjelaskan tentang penggunaan mazhab sahaja melalui semua peruntukannya secara umum dan tidak membincangkan tentang skop yang lebih kecil, iaitu nafkah.

Kajian yang kedua bertajuk “*Penggubalan dan Peruntukan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 1984: Satu Analisis*.”¹¹ Kajian ini menjelaskan tentang penggubalan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 1984 yang telah bersetuju untuk mengambil penggubalan daripada Wilayah Persekutuan. Enakmen tersebut terfokus pada pengemaskinian hal pentadbiran, menjadikan undang-undang lebih jelas dan selaras dengan pemakaian hukum syarak serta memberikan perlindungan daripada penganiayaan. Turut dijelaskan tentang hak jaminan anak-anak selepas perceraian dengan peruntukan yang lebih jelas dalam hal ehwal nafkah. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya terfokus pada negeri Selangor sahaja dalam hal-hal pentadbiran dalam usaha untuk mengemaskinikannya.

Kajian terdahulu menyentuh secara umum tentang statut yang digubal. Masih belum ada kajian tentang penggubalan atau pindaan terhadap peruntukan seksyen daripada statut Enakmen No. 3 kepada Akta

10 Raihanah Hj. Azahari. (2007). Kedudukan mazhab Syafii dalam undang-undang keluarga Islam: Satu realiti. *Jurnal Fiqh*, 4, 251–258

11 Nora’inan Bahari. (1998). Penggubalan dan peruntukan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 1984: Satu Analisis. *Jurnal Syariah*, 6, 9–22.

303. Dengan perkembangan semasa yang lebih mencabar, pindaan telah dilakukan bagi memastikan hak masyarakat yang terlibat terjamin, selain dapat mengembalikan haknya. Kajian ini dapat memenuhi kelompongan yang ada dan seterusnya ditambah baik serta dikemas kini bagi memastikan masyarakat lebih peka terhadap penguatkuasaan tentang tunggakan hutang nafkah.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah yang digunakan ialah pengumpulan data sahaja, iaitu kajian berbentuk kepustakaan. Kajian ini membincangkan statut Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Selangor) 1952, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 dan beberapa peruntukan berkaitan daripada Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998. Selain itu, penulisan ini turut membuat rujukan daripada kitab-kitab fiqh, jurnal serta kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu.¹² Analisis daripada seksyen yang diperuntukkan disertakan bersama-sama dengan huraihan kes yang berkaitan daripada kes-kes¹³ mahkamah syariah bagi menyokong kajian ini.

PINDAAN SEKSYEN DARIPADA ENAKMEN NO. 3 KEPADA AKTA 303 DAN AKTA 585 SERTA DAPATAN KAJIAN

Daripada keseluruhan seksyen yang diperuntukkan untuk bahagian nafkah dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303), Akta 303 memperuntukkan sebanyak 22 seksyen manakala Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Selangor) 1952 (Enakmen No. 3) sebanyak 7 seksyen. Namun begitu, hanya terdapat 5 seksyen yang kekal daripada statut lama kepada statut yang baharu dengan beberapa pindaan. Enakmen No. 3 meletakkan Nafkah Tanggungan dan Akta 303 meletakkan Nafkah Isteri, Anak dan lain-lain.

Walaupun terdapat perubahan yang berlaku dalam akta, namun terdapat peruntukan yang masih dikekalkan dengan sedikit pindaan. Pindaan ini berlaku apabila merujuk perubahan semasa berdasarkan kehidupan yang semakin mencabar dan melihat pada kesesuaian pada masa kini. Terdapat 5 seksyen yang dikekalkan dalam Akta 303 daripada Enakmen No. 3

12 Abdul Rashid Moten. (1998). *A guide to research proposal and report writing*. Research Centre International Islamic University, Malaysia, Hlm. 16

13 Baker, T. L. (1999). *Doing social research*. 3rd ed. Mc Graw Hill. 240.

berkaitan hal ehwal nafkah, iaitu Seksyen 139, 140, 141, 142 dan 143. Seksyen 144 pula dipinda dan diubah dalam akta yang lain, iaitu Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 (Akta 585).

Seksyen 139(1) Enakmen No. 3 memperuntukkan bahawa isteri boleh memohon nafkah kepada suaminya mengikut kadar yang ditetapkan dalam undang-undang Islam. Namun begitu, peruntukan tersebut tidak dinyatakan tentang tempoh yang perlu dibayar. Dalam pindaan di Akta 303, Seksyen 65(1) memperuntukkan isteri boleh memohon nafkah daripada suami, dan suami perlu membayar sehingga isteri tersebut disabitkan nusyuz atau tamat tempoh idah. Dalam Seksyen 139(2) Enakmen No. 3 juga memperuntukkan nafkah idah namun dinyatakan bahawa isteri diceraikan sama ada talak satu atau dua ataupun dalam tempoh mengandung. Undang-undang pindaan menambah lagi dalam Akta 303 dengan perkataan “perjanjian”. Sekiranya ada perjanjian, maka bekas suami perlu membayar nafkah kepada bekas isterinya sehingga bekas isterinya itu berkahwin lain yang telah diperuntukkan dalam Seksyen 65(2) seperti dalam kes *Noraini lwn. Sabri (2020)*.¹⁴ Dalam kes tersebut, perjanjian telah dibuat dengan perintah mahkamah bahawa defendant diberikan peluang untuk menyelesaikan nafkah idah sebelum plaintif berkahwin semula dengan orang lain walaupun melebihi tempoh tiga bulan. Hal ini kerana, tempoh kebiasaan untuk memberi nafkah idah setelah bercerai adalah selama tiga bulan, iaitu dalam tempoh idah.

Seterusnya adalah tentang nafkah anak yang diperuntukkan dalam Seksyen 140(1) Enakmen No. 3, iaitu nafkah anak perlu diberi sehingga anak berumur 15 tahun. Permohonan nafkah anak boleh dibuat dengan cara sendiri (anak tersebut) atau melalui wakil (ibu atau penjaga) kepada bapanya atau sesiapa yang boleh menanggung nafkah anak tersebut. Kadar nafkah untuk anak yang diperuntukkan adalah umum kerana hanya dinyatakan “patut” dalam perbelanjaan. Peruntukan untuk nafkah secara keseluruhannya tidak diperincikan seperti pindaan yang telah dibuat dalam Akta 303 di bawah Seksyen 79. Dalam seksyen tersebut menjelaskan tempoh bagi nafkah anak yang diperuntukkan adalah sehingga anak tersebut berumur 18 tahun. Walau bagaimanapun, tempoh tersebut boleh dilanjutkan lagi sehingga anak tersebut melanjutkan pelajaran sehingga ke ijazah pertama.¹⁵ Selain itu, lanjutan tempoh untuk diberikan nafkah

14 No. Kod. Kes Mal : 07003-037-0021-2020 (belum dilaporkan).

15 Akta 303

sekiranya anak tersebut mengalami sakit otak atau jasmani, yang tidak membolehkan anak tersebut menanggung untuk dirinya sendiri. Seksyen 79 juga menyatakan bahawa, anak perempuan ditanggung oleh bapanya sehingga anak perempuan itu berkahwin.

Akta 303 dalam Seksyen 72(1) yang menyatakan tentang kewajipan menanggung nafkah anak. Penanggung nafkah yang diwajibkan adalah daripada kalangan lelaki. Seseorang lelaki sebagai penanggung nafkah telah dipinda dan lebih luas pemakaianya, iaitu meliputi bukan sahaja daripada seorang bapa sahaja, tetapi kepada penjaga, bapa saudara atau datuk yang boleh membayai nafkah terhadap anak. Seksyen 72(1) juga menyebut tentang perincian nafkah yang perlu diambil berat keperluan asas, iaitu tempat tinggal, pakaian dan makanan. Selain keperluan asas, Akta 303 tersebut menambah lagi dengan keperluan masa kini, iaitu dari segi perubatan, pelajaran dan apa-apa keperluan yang perlu ditanggung seperti perbelanjaan hari raya atau persediaan hari persekolahan dengan membayar kos. Misalnya dalam kes *Mashitah lwn. Asman* (2014)¹⁶, mahkamah telah memerintahkan terhadap defendant untuk membayar yuran sekolah sebanyak RM700.00 setahun dan perbelanjaan hari raya sebanyak RM300.00 setahun. Pada masa yang sama, defendant diperintahkan untuk membayar nafkah seorang anak sebanyak RM300.00 sebulan.

Akta 303 juga memperincikan bahawa kewajipan menanggung nafkah adalah terletak pada orang lain seperti datuk, bapa saudara atau sesiapa sahaja yang difikirkan layak untuk menanggung nafkah. Dalam *Journal of Muwaqafat*, makalahnya yang bertajuk, “Pemberian Nafkah oleh Waris: Pelaksanaan dan Kekangan Undang-undang” menyatakan bahawa dalam syarak terdapat tiga bahagian pemberian nafkah oleh waris, iaitu *usul, furu’* dan *hawasyi*.¹⁷ *Usul* ialah keturunan ke atas, iaitu bapa, datuk dan moyang. Sementara *furu’* pula ialah keturunan ke bawah, iaitu anak, cucu atau cicit. *Hawasyi* pula ialah keturunan melintang, iaitu bapa saudara, ibu saudara, bapa sebapa dan lain-lain lagi. Oleh itu, dalam Seksyen 72(2) menyebut, tanggungan wajib yang asalnya daripada bapa tersebut boleh berpindah kepada tanggungan lain berdasarkan hukum syarak yang disebutkan dengan tiga sebab, iaitu bapa tersebut meninggal dunia, tidak diketahui di mana keberadaannya atau tidak berupaya untuk menanggung nafkah. Enakmen No. 3 tidak diperincikan seperti dalam Akta 303. Enakmen No.

16 No. Kod. Kes Mal : 07100-024-0104-2014 (belum dilaporkan)

17 Mohd Hazwan bin Ismail & Jasni Sulong. (2021b). Pemberian nafkah oleh waris: Pelaksanaan dan kekangan undang-undang. *Journal of Muwaqafat*, 4(2), 18–31.

3 hanya menyebut diperintahkan kepada orang lain berdasarkan undang-undang Islam apabila bapa yang tidak berupaya disebabkan kemiskinan, telah diperuntukkan dalam Seksyen 141 (1) dan (2). Hal ini dapat dilihat dalam kes *Nawal lwn. Suad* (2019)¹⁸ apabila defendant tidak mampu untuk membayar nafkah kepada anaknya. Maka dengan itu, mahkamah telah memerintahkan bapa defendant untuk membayar RM200.00 sebulan kepada cucunya.

Selain anak kandung, Enakmen No. 3 juga memperuntukkan anak luar nikah. Dalam peruntukan Seksyen 142(1), mahkamah kadi boleh memerintahkan kepada “orang itu” untuk membiayai nafkah anak tidak sah taraf tersebut. Maksud daripada perkataan “orang itu” tidak diperincikan daripada enakmen tersebut sama ada hanya untuk si ibu anak tersebut atau kepada sesiapa mana-mana orang yang boleh diperintahkan setelah cukup bukti atau keterangan. Pindaan Akta 303 Seksyen 80(1), telah memperincikan dengan menyebut seseorang perempuan. Mahkamah boleh memerintahkan “seseorang perempuan” untuk memberikan nafkah kepada anak tidak sah taraf tersebut. Hal ini bermaksud, sekiranya si ibu tidak berkeupayaan untuk memberikan nafkah, maka nenek atau ibu kepada ibu anak tersebut boleh diperintahkan oleh mahkamah. Namun begitu, sekiranya bukti atau keterangan yang diberi oleh si ibu untuk mahkamah membenarkan sesiapa yang berhak untuk memberikan nafkah kepada anak tidak sah taraf itu, maka menurut peruntukan Enakmen No. 3 menjelaskan, tuntutan itu boleh dibuat di mahkamah majistret. Hal ini bermaksud, sekiranya si ibu dapat membuktikan bahawa anak itu adalah daripada benih seorang lelaki, maka tuntutan boleh dibuat di mahkamah majistret dan bukan di mahkamah syariah. Berbeza daripada Akta 303, walaupun tidak diperuntukkan untuk tuntutan dibuat di mahkamah majistret, menurut Mohd Hazwan & Jasni (2021c),¹⁹ mahkamah syariah boleh memerintahkan bapa biologi, iaitu benih daripada lelaki kepada anak tersebut yang dilahirkan di luar nikah dengan syarat adanya persetujuan bersama. Hal ini terjadi dalam kes *Azliza lwn. Faizul* (2016), *Aidayu lwn. Sukri* (2018), *Adilla lwn. Shaiful Anwar* (2019) dan *Nazihah lwn. Rosli* (2019). Mahkamah syariah telah memerintahkan bapa tersebut atau disebut “bapa biologi” untuk membayar nafkah anak walaupun anak sulong mereka

18 No. Kod. Kes Mal : 07001-037-0434-2019 (belum dilaporkan).

19 Mohd Hazwan Ismail & Jasni Sulong. (2021c). Kedudukan nafkah terhadap anak tak sah taraf daripada bapa biologi: Kajian di Pulau Pinang. *Journal of Fiqhiyyat*, Vol. 1, No. 1 – 2021 (July Issue).

telah tercatat “Permohonan Seksyen 13” dalam Surat Kelahiran Anak yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

Mengenai anak tidak sah taraf lagi, peruntukan dalam Enakmen No. 3, Seksyen 142(2) dan Akta 303, Seksyen 80(3) memberi maksud yang sama, iaitu tarikh yang perlu mula dibayar oleh mana-mana perempuan terhadap anak tidak sah taraf tersebut, bermula apabila telah adanya keengganan dalam menanggung nafkah. Kedua-dua seksyen tersebut memberi maksud yang sama kecuali dari segi perkataan, dalam Enakmen No. 3 meletakkan perkataan “belanja” manakala Akta 303 pula meletakkan perkataan “elaun bulanan”.

Yang berikutnya adalah tentang mengubah dan membatalkan perintah Enakmen No. 3 dalam Seksyen 143 memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang diperintahkan sama ada suami, bapa atau penjaga kanak-kanak, boleh memohon kepada mahkamah untuk mengubah perintah atau membatalkan perintah. Mengubah bagi pihak defendan adalah dengan mengurangkan jumlah bayaran bulanan, manakala pembatalan pula adalah apabila anak tersebut telah memiliki pendapatan dengan bekerja. Bagi pihak plaintiff pula, kebiasaannya isteri, anak atau penjaga, pemohon boleh mengubah untuk menaikkan kadar jumlah nafkah bersesuaian dengan keperluan harian yang semakin tinggi kosnya. Dalam seksyen ini disebutkan secara umum sama ada pihak isteri, bekas isteri, anak atau penjaga. Pindaan daripada Akta 303 telah mengasingkan dengan adanya dua seksyen, iaitu seksyen 66 yang memperuntukkan bagi pihak isteri dan Seksyen 75 bagi pihak anak. Kedua-dua seksyen tersebut mempunyai maksud kandungan yang sama, iaitu mengubah atau membatalkan perintah nafkah. Contoh kes bagi mengubah kadar jumlah nafkah ialah kes *Noraslida lwn. Arshad (2020)*²⁰ apabila plaintiff memohon untuk menambah kadar jumlah nafkah daripada RM250.00 sebulan kepada RM300.00 sebulan. Kes *Johari lwn. Aliza (2019)*²¹ menunjukkan mahkamah telah memerintahkan untuk pengurangan kadar jumlah nafkah daripada RM4500.00 sebulan kepada RM2000.00 sebulan. Bagi peruntukan untuk pembatalan nafkah anak pula dilihat dalam kes *Arshad lwn. Sadih (2020)*²² apabila mahkamah telah membatalkan perintah nafkah 4 orang anak berjumlah RM1200.00 sebulan. Pembatalan ini diluluskan oleh mahkamah disebabkan anak-anak tersebut telah bekerja dan mempunyai pendapatan sendiri.

20 No. Kod. Kes Mal : 07003-022-0335-2020 (belum dilaporkan)

21 No. Kod. Kes Mal : 08001-022-0147-2019 (belum dilaporkan)

22 No. Kod. Kes Mal : 07003-027-0676-2020 (belum dilaporkan)

Daripada penjelasan di atas, kajian mendapati daripada 5 peruntukan pindaan yang berlaku dalam Akta 303, 4 daripada pindaan tersebut hanyalah melibatkan pentadbiran sahaja, iaitu Seksyen 139, 141, 142 dan 143. Tujuannya bagi memudahkan setiap perjalanan kes daripada kedua-dua pihak sama ada pihak penuntut atau pihak yang dituntut. Selain itu, hal ini turut memudahkan pihak mahkamah dalam urusan mengendalikan setiap kes kerana saban hari kes semakin meningkat.²³ Satu pindaan yang berlaku yang melibatkan hukuman syarak yang diperuntukkan tentang tempoh kuat kuasa nafkah anak, iaitu Seksyen 140. Hal ini menjelaskan bahawa Enakmen No. 3 menunjukkan sehingga anak berumur 15 tahun, manakala Akta 303 menunjukkan sehingga anak mencapai umur 18 tahun. Walaupun terdapat perbezaan dari segi umur, namun kedua-duanya menepati syarak seperti Seksyen 2 dalam Akta 303 memperuntukkan: "Hukum syarak ertinya undang-undang Islam mengikut mana-mana mazhab yang diiktiraf."

Hal ini jelas menunjukkan setiap peruntukan yang terdapat dalam Akta 303 adalah menepati syarak daripada mazhab yang diiktiraf, iaitu mazhab Hanafi, Maliki, Syafii dan Hambali.²⁴ Namun begitu, tempoh yang terdapat dalam Enakmen No. 3 yang menunjukkan 15 tahun adalah daripada pendapat mazhab Syafii, manakala tempoh sehingga 18 tahun ialah pendapat daripada mazhab Maliki. Perkara ini dijelaskan bagi kedua-dua pendapat tersebut, iaitu:

Mazhab Syafie pendapat 15 tahun daripada pandangan al-Mawardi:²⁵

Anak-anak (lelaki dan perempuan) tersebut berhak mendapat nafkah sehingga mereka mencapai umur akil baligh, iaitu 15 tahun.

-
- 23 Mohd Sabree Nasri, Mohamad Afandi Md Ismail & Mohd Al Adib Samuri. (2017). Keterangan pakar sebagai cara pembuktian di mahkamah syariah. *E-Proceeding of the 4th World Conference on Integration of Knowledge* 31 Julai – 1 Ogos 2017. Hotel Bayview, Pulau Pinang. Hlm 78 – 86. Lihat juga: Pelan Startegik Jabatan Kehakiman Syariah Selangor tahun 2015 – 2020. Hlm 3.
- 24 Raihanah Hj. Azahari. (2007). *Op.Cit.* Hlm 251 – 258.
- 25 Al-Mawardi, Abi al-Hassan Ali bin Muhammad bin Hussain. (1999). *Al-Hawi al-Kabir, jilid 15*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Hlm 84.

Mazhab Maliki pendapat 18 tahun menurut pendapat fuqaha al-Shazali:²⁶

Had nafkah bagi seseorang anak adalah sehingga mencapai umur akil baligh iaitu 18 tahun.

Perubahan yang berlaku melalui pindaan daripada 15 tahun kepada 18 tahun adalah bersesuaian dengan zaman kini. Hal ini kerana, anak-anak akan mengikuti pengajian di alam persekolahan sehingga mencapai umur 17 tahun bagi menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Setelah itu, mereka akan diberi keputusan pada awal tahun hadapan.²⁷ Oleh itu, anak-anak tersebut boleh memilih sama ada meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi atau terus bekerja. Maka dengan itu, sekiranya anak-anak tersebut memilih untuk bekerja, maka had untuk pemberian nafkah terhenti setakat umur 18 tahun sahaja. Bagi anak yang ingin meneruskan pengajian, pemberian nafkah boleh dilanjutkan berdasarkan Seksyen 79 Akta 303 seperti yang dijelaskan di atas.

Selanjutnya adalah tentang hukuman bagi orang yang ingkar melaksanakan perintah nafkah. Enakmen No. 3 meletakkan dua mahkamah yang berbidang kuasa, iaitu mahkamah majistret atau mahkamah chief kadi. Hukuman bagi yang ingkar tersebut adalah dipenjara selama satu minggu bagi tunggakan selama sebulan. Sekiranya tunggakan selama empat bulan, maka hukuman penjara yang dikenakan ialah empat minggu. Peruntukan bagi hukuman orang yang mengingkari perintah nafkah ini berada dalam Seksyen 144. Hukuman bagi perkara ini, tidak diperuntukkan dalam Akta 303 kerana hukuman atau denda diasingkan daripada Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 kepada Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998 (Akta 585). Kajian mendapati, Akta 585 telah memperincikan peruntukan denda atau hukuman yang terdapat dalam Akta tersebut, iaitu Seksyen 160 – penyitaan dan penjualan, seksyen 161 – *hiwalah*, dan peruntukan khas berhubungan dengan saman penghutang penghakiman dalam Seksyen 175 sehingga Seksyen 185.

26 Al-Shazali, Abi al-Hasan Ā'li ibn Nasir al-Din ibn Muḥammad. (1997/1417). *Kifayat al-Talib al-Rabbani li Risalah Ibn Zayd al-Qayrawani*. Jilid 2. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Hlm 175.

27 Nurul Farehah Mohamad Uri & Mohd Sallehudin Abd Aziz. (2014). Melihat tahap kebolehbacaan teks bacaan kertas peperiksaan Bahasa Inggeris SPM. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 15, 298.

Dalam pindaan yang diperuntukkan dalam Seksyen 181(1), hukuman bagi orang yang ingkar melaksanakan perintah selama tempoh satu bulan minimum, pengutang boleh dikenakan penjara sehingga 30 hari.

Oleh itu, pindaan yang berlaku daripada Enakmen No. 3 adalah bersesuaian mengikut peredaran semasa. Daripada enakmen itu juga, dipecahkan kepada dua akta yang berbeza, iaitu Akta 303 dan Akta 585 bagi melicinkan pentadbiran. Setelah wujudnya Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan yang telah mengasingkan bidang kuasa mahkamah,²⁸ maka kuasa mahkamah untuk menentukan penghakiman dari segi nafkah mahupun penguatkuasaan bagi orang Islam hanya terletak dalam bidang kuasa mahkamah syariah sahaja tanpa melibatkan campur tangan daripada mahkamah lain, manakala mahkamah majistret boleh menentukan hukuman yang diperuntukkan dalam Enakmen No. 3.

Bidang kuasa dalam hal penguatkuasaan mahkamah syariah yang diperuntukkan dalam Akta 585 dapat dilihat dalam kes *Syuhada lwn. Arfan* (2019). Penguatkuasaan yang dilaksanakan adalah berkaitan dengan sitaan.²⁹ Penyitaan dan penjualan diperuntukkan dalam Seksyen 160. Dalam kes tersebut, barang-barang kepunyaan defendant telah disita apabila plaintif mengadu kepada mahkamah kerana defendant telah culas untuk membayar nafkah dan terjadinya hutang. Selain itu, penguatkuasaan *hiwalah* juga dilaksanakan, dan kes yang difaiklan ialah *Nor lwn. Mohamad* (2016). Plaintiff telah memohon kepada mahkamah untuk melaksanakan pemindahan hutang daripada pihak ketiga, iaitu Prudential Assurance Malaysia Sdn. Bhd. berjumlah RM44,600.00 yang terhutang daripada defendant dan dibayar terus kepada akaun bank milik plaintif.³⁰

Seterusnya, penguatkuasaan yang diperuntukkan daripada Akta 585 ialah Saman Pengutang Penghakiman (SPP) dan Notis Penghakiman. SPP ialah saman yang dikeluarkan oleh mahkamah dan diserahkan kepada

28 Hussin Che Pa, Nasrul Hisyam Nor Muhammad & Suhaimi Mustar. (2016). Bidang kuasa eksklusif mahkamah syariah selepas pindaan perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan: Satu penilaian. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 4, 1-13

29 Mohd Hazwan bin Ismail & Jasni Sulong. (2022). Penguatkuasaan penghakiman sita dan jual: Pelaksanaan dan kekangan di mahkamah syariah. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 7(1), 91-101.

30 Mohamed Fouzi Mokhtar, Siti Fatimah Ahmad Maulana, Salmi Amalia Jamil & Mohd Fariq Azaimi Apandi. (2021). *Jenis-jenis penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah di mahkamah syariah Wilayah Persekutuan: Satu pengenalan undang-undang keluarga Islam di Malaysia: Teori, amalan dan pelaksanaan*. JKSM & Kuliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim UIAM. Hlm 312.

penghutang (defendant) dengan tujuan untuk memanggil penghutang hadir ke mahkamah bagi menyiasat keupayaan dan kemampuannya dalam menyelesaikan tunggakan hutang nafkah.³¹ Hal ini merujuk kes *Habibah lwn. Abas (2020)*³² apabila saman berjaya diserahkan dan penghutang hadir ke mahkamah untuk disiasat. Kes ini berjaya diselesaikan dengan persetujuan bersama. Walau bagaimanapun, sekiranya penghutang tidak melaksanakan setelah adanya perintah SPP, maka pengadu boleh melaporkan kepada hakim untuk tindakan penguatkuasaan melalui Notis Penghakiman. Notis Penghakiman ialah notis tunjuk sebab tentang kegalalannya untuk melaksanakan perintah SPP. Sekiranya penghutang gagal memberi tunjuk sebab, maka mahkamah boleh memenjarakan si penghutang berdasarkan Seksyen 181 dengan memerintahkan penjara selama tidak melebihi 30 hari seperti dalam kes *Rozimah lwn. Zainol (2020)*.³³ Dalam kes tersebut, penghutang dipenjarakan selama 30 hari kerana gagal memberi tunjuk sebab atas keterhutangan nafkah sebanyak RM123,545.53.

KESIMPULAN

Penggubalan dan pindaan daripada seksyen yang terdapat dalam Enakmen No. 3 kepada Akta 303 merupakan sesuatu yang berpadanan mengikut keperluan semasa. Walaupun pada asalnya Enakmen No. 3 digunakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada satu ketika dahulu, penggubalan dalam akta tersebut memberi kuasa yang khusus kepada Kerajaan Pusat. Undang-undang yang sedia ada tetap merujuk hukum syarak dalam penentuan apa-apa tindakan terhadap tuntutan nafkah khususnya. Penggubalan dan pindaan tersebut juga memberikan manfaat dan faedah bagi setiap orang sekiranya terdapat aduan yang diterima daripada pengadu. Mahkamah syariah lebih mengutamakan hak kedua-dua pihak dalam hal mengadili setiap perkara untuk membolehkan isteri dan juga anak memperoleh nafkah berdasarkan keperluan asas untuk masa kini. Oleh itu, pindaan dalam peruntukan undang-undang mungkin akan berubah dari masa ke semasa bagi membolehkan keadilan dapat dicapai dan seterusnya dapat melahirkan masyarakat yang harmoni, damai serta saling bertanggungjawab.

31 Mohd Hazwan Ismail & Jasni Sulong. (2021). *Saman penghutang penghakiman: Keperluan perintah nafkah atau perintah tunggakan nafkah*. Op.Cit.

32 No. Kod. Kes Mal : 07001-037-0209-2020 (belum dilaporkan)

33 No. Kod. Kes Mal : 07400-076-0097-2020 (belum dilaporkan)

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pendanaan.

RUJUKAN

- Abdul Rashid Moten (1998), *A Guide To Research Proposal And Report Writing*. Research Centre International Islamic University, Malaysia.
- Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned. (2007). *Sistem Undang-undang di Malaysia*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Aisny binti Mohd Daris lwn. Haji Fahro Rozi bin Mohdi. (1412h) 2 JH 216 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998. (Akta 585).
- Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. (Akta 303).
- al-Mawardi, Abi al-Hassan Ali bin Muhammad bin Hussain. (1999). *Al-Hawi al-Kabir, jilid 15*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Hlm 84.
- al-Shazali, Abi al-Hasan Ā'li ibn Nasir al-Din ibn Muhammad. (1997/1417). *Kifayat al-Talib al-Rabbani li Risalah Ibn Zayd al-Qayrawani, jilid 2*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Hlm 175.
- Arshad lwn. Sadih (2020). No. Kod. Kes Mal : 07003-027-0676-2020 (belum dilaporkan).
- Baker, T. L. (1999). *Doing social research. 3rd ed.* United States of America: Mc Grew Hill. Hlm 240.
- Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Selangor) 1952. (Enakmen No. 3).
- Habibah lwn. Abas (2020). No. Kod. Kes Mal : 07001-037-0209-2020 (belum dilaporkan)
- Hasnan Kasan. (2006). Penginstitusian pentadbiran hukum syarak di Semenanjung Malaysia. *Sari*, 24, 179-189
- Hussin Che Pa, Nasrul Hisyam Nor Muhammad & Suhami Mustar. (2016). Bidang kuasa eksklusif mahkamah syariah selepas pindaan perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan: Satu penilaian. *Malaysian Journal of Syariah and Law*. Volume 4.
- Johari lwn. Aliza (2019). No. Kod. Kes Mal : 08001-022-0147-2019 (belum dilaporkan)
- Majlis Keselamatan Negara. (2022). KL50: Sejarah Penubuhan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2022/02/03/kl50-sejarah-penubuhan-dewan-bandaraya-kuala-lumpur/>
- Mashitah lwn. Asman (2014). No. Kod. Kes Mal : 07100-024-0104-2014 (belum dilaporkan)

- Mazni binti Abdul Wahab. (2002). Sejarah penubuhan institusi fatwa di negeri Selangor. *Jurnal Syariah*, 10(2), 1-18.
- Mohamed Fouzi Mokhtar, Siti Fatimah Ahmad Maulana, Salmi Amalia Jamil & Mohd Fariq Azaimi Apandi. (2021). Jenis-jenis penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah di mahkamah syariah Wilayah Persekutuan: Satu pengenalan. Dlm. *Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia: Teori, Amalan dan Pelaksanaan*. JKSM & Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim UIAM.
- Mohd Hazwan bin Ismail & Jasni Sulong. (2021a). Saman penghutang pengakiman: Keperluan perintah nafkah atau perintah tunggakan nafkah. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 6(1), 29-38.
- Mohd Hazwan bin Ismail & Jasni Sulong. (2021b). Pemberian nafkah oleh waris: pelaksanaan dan kekangan undang-undang. *Journal of Muwafaqat*, 4(2), 18-31.
- Mohd Hazwan Ismail & Jasni Sulong. (2021c, Julai). Kedudukan nafkah terhadap anak tak sah taraf daripada bapa biologi: Kajian Di Pulau Pinang. *Journal of Fiqhiyyat*, 1(1).
- Mohd Hazwan bin Ismail & Jasni Sulong. (2022). Penguatkuasaan pengakiman sita dan jual: Pelaksanaan dan kekangan di mahkamah syariah. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 7(1), 91-101.
- Mohd Sabree Nasri, Mohamad Afandi Md Ismail & Mohd Al Adib Samuri. (2017). Keterangan pakar sebagai cara pembuktian di mahkamah syariah. *E-Proceeding of the 4th World Conference On Integration of Knowledge 31 Julai – 1 Ogos 2017. Hotel Bayview, Pulau Pinang*. Hlm 78 – 86. Lihat juga: Pelan Startegik Jabatan Kehakiman Syariah Selangor tahun 2015 – 2020. Hlm 3.
- Nawal lwn. Suad (2019). No. Kod. Kes Mal : 07001-037-0434-2019 (belum dilaporkan).
- Nora'inan Bahari. (1998). Penggubalan dan peruntukan enakmen undang-undang keluarga Islam Selangor 1984: Satu analisis. *Jurnal Syariah*, 6, 9–22.
- Noraini lwn. Sabri (2020). No. Kod. Kes Mal : 07003-037-0021-2020 (belum dilaporkan).
- Noraslida lwn. Arshad (2020). No. Kod. Kes Mal : 07003-022-0335-2020 (belum dilaporkan)
- Nurul Farehah Mohamad Uri & Mohd Sallehudin Abd Aziz. (2014). Melihat tahap kebolehbacaan teks bacaan kertas peperiksaan Bahasa Inggeris SPM. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 15, 298.
- Raihanah Hj. Azahari. (2007). Kedudukan mazhab Syafti dalam undang-undang keluarga Islam: Satu realiti. *Jurnal Fiqh*, 4, 251 – 258
- Rozimah lwn. Zainol (2020). No. Kod. Kes Mal : 07400-076-0097-2020 (belum dilaporkan)